

Isu Laut China Selatan Perlu Diselesai Melalui Rundingan - Zahid Hamidi
Bernama
24 Disember, 2011

KUALA LUMPUR, 24 Dis (Bernama) -- Pertikaian melibatkan beberapa negara di Laut China Selatan perlu diselesaikan dengan cara rundingan dan bukan melalui penggunaan kekuatan ketenteraan, kata Menteri Pertahanan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau berkata kata perkara itu antara yang dibangkitkan dalam lawatannya ke China pada 17 hingga 21 Dis lepas bertujuan meningkatkan kerjasama pertahanan antara kedua-dua negara.

"China tidak mahu negara-negara ketiga terlibat dengan tuntutan bertindih secara langsung atau tidak langsung dengan kawasan Laut China Selatan bagi mengelakkan perbalahan," katanya kepada pemberita sebelum menyertai program bermotosikal mengelilingi ibu kota.

Dalam pada itu, beliau berkata satu program bermotosikal akan diadakan di Lembah Klang pada Mac 2012.

Ia dijangka melibatkan penyertaan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=636391>